Program Virtual Bengkel Penghasilan Drama Radio 7 Filem Pendek Anjuran Pusat Sumber DSDN SMKRR 2020

Labuan, 01 Nov , Pusat Sumber Datin Sri Datuk Hjh Norsiah Binti Abdullah Sekolah Menengah Kebangsaan Rancha-Rancha telah mengadakan satu Program atas talian iaitu Virtual Penulisan Drama Radio dan Drama Pendek. Program ini diadakan secara atas talian iaitu melalui aplikasi Google meet seperti mana yang telah digariskan oleh kerajaan dalam pematuhan SOP yang telah ditetapkan semasa tempoh PKPB . Program ini telah disertai oleh guru dan pelajar dari Sabah , Sarawak dan juga Semenanjung Malaysia untuk sama-sama mempelajari ilmu penulisan skrip drama radio dan drama pendek . Seramai 167 orang telah membuat pendafataran peserta bengkel melalui boring google form yang disediakan. Program ini adalah hasil usaha dan buah fikiran penyelaras Pusat sumber DSDN SMKRR iaitu En Sapri idris , sebagai salah satu pengisian ilmu yang

cukup bermanfaat kepada anak-anak pelajar SMKRR khasnya dan kepada sesiapa saja yang berminat mempelajarinya. Program ini juga merupakan program yang bertujuan untuk meninggkatkan minat murid untuk mempelajari bidang-bidang penulisan serta penerbitan dalam bentuk berkreativiti. Selain itu ianya juga dapat melatih murid untuk lebih baik dalam bidang penulisan kerana ini merupakan pendidikan di luar kelas yang sangat berkaita rapat dengan penguasaan Bahasa melayu.

Program yang di anjurkan oleh PSSDSDN ini juga dapat memberi ruang kepada para pelajar untuk lebih berminat melibatkan diri dalam dunia penyiaran radio yang sememangnya merupakan satu kerjaya yang agak menarik. Selain itu ianya juga mendedahkan kepada mereka pengetahuan asas bagaimana sesebuah karya kreatif itu dapat menyampaikan sesuatu yang positif kepada masyarakat melalui drama radio. Program ini juga merupakan program pembelajaran di luar kelas yang berteraskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang menjadi kewajipan pada Sekolah ini untuk sentiasa menerapkan nilai KBAT di kalangan pelajar samada Pembelajaran di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah. Yang lebih membanggakan terdapat penyertaan melalui online dari luar Labuan seperti penyertaan guru dan pelajar dari SMKJK San Min Teluk Intan,SMK Bukit Damar lancing Pahang,Sk Convent Teluk Intan, SMK Dato Harun Tanjung Karang, SK Mengkabong Tuaran,SK Merlimau Melaka dan juga penyertaan guru-guru serta murid dari sekolah-sekolah menengah dan rendah dari WP Labuan snediri. Sambutan terhadap program ini sungguh mengalakkan.



Cikgu Jasmini Daud bertindak sebagai penceramah jemputan Penceramah bagi program ini adalah guru SMKRR sendiri iaitu cikgu Jasmini Daud, yang merupakan guru kesenian dan teater yang berpengalaman dalam bidang teater dan drama. Beliau merupakan penerima anugerah ikon Seni dari Jabatan Pendidikan wilayah Persekutuan Labuan. Pengetahuan dan pengalaman beliau dalam bidang seni teater dan drama bermula sejak beliau menjadi salah seorang Jurulatih Seni Budaya di bawah Jabatan Kesenian dan Kebudayaan negeri Sabah(JKKN) sejak tahun 2006. Beliau juga pernah menjadi johan penulisan skrip drama radio anjuran Radio Malaysia Labuan, sering membawa pelajar-pelajar sekolah beliau memenangi pelbagai pertandingan teater, sketsa dan drama samada di peringkat negeri mahupun kebangsaan. Beliau juga merupakan pemegang ijazah Drama dan teater dan sangat berpengalaman luas dalam pementasan dan teater. Kerana pengetahun serta pengalaman tersebut itu lah beliau di jemput menjadi penceramah dalam program kali ini.

Perkongsian beliau kali ini lebih tertumpu kepada penulisan skrip drama radio kerana penulisan asas drama radio lebih mudah difahami oleh pelajar-pelajar atau sesiapa sahaja yang baru berjinak-jinak dalam penulisan

kreatif ini. sesiapa sahaja boleh mencuba bakat penulisan skrip radio, dengan mempelajari beberapa pengetahuan asas penulisan yang betul. Cikgu Jasmini berkata dalam ceramah beliau, penulisan skrip adalah merupakan satu naskah sastera yang diilhamkan oleh seorang penulis kemudiaan akan di jadikan sebuah drama jika ianya dilakonkan sebagai sebuah cerita yang diperdengarkan di radio, dan ini adalah sesuatu karya yang boleh dihasilkan oleh sesiapa sahaja yang mempunyai bakat dan minat serta pengetahuan penulisan yang betul. Oleh itu beliau telah memberi banyak tips mudah kepada yang mengikuti kursus kali ini agar mereka boleh mula berkarya dan menyampaikan idea positif melalui penulisan dan penerbitan drama radio.

Beliau juga telah menyampaikan pelbagai perkara asas untuk memulakan penulisan skrip, antaranya ialah cara penulisan mengikut durasi yang sesuai bagi sesuatu penyiaran , bagaimana menghasilkan watak dan perwatakan dalam sesebuah drama radio serta bagaimana menentukan kesan bunyi yang berkesan dalam sesebuah drama serta cara menentukan watak dan dialog sesebuah drama tersebut.

Ucapan aluan-aluan disampaikan oleh Pengetua SMK Rancha-

Rancha
En Yahya bin Ahmad Puteh
En Yahya Bin Ahmad Pengetua SMKRR mengucapkan jutaan terimakasih kepada cikgu Jasmini kerana sudi berkongsi pengalaman dan pengetahuan pada program kali ini dan beliau mengucapkan tahniah atas usaha En Sapri Idris serta semua pengawas Pusat Sumber Datin Sri Datuk Hjh Norsiah Abdullah (PSSDSDN) yang terlibat serta penyelaras program online Cikgu zaharah Mat Jali ketua Bidang Bahasa bidang Bahasa. Beliau juga mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan penyertaan Guru-guru dari seluruh malaysia yang telah log masuk dalam program kali ini. Beliau berbangga atas usaha Pusat Sumber DSDN SMKRR kerana berjaya menganjurkan program yang sungguh berimpak tinggi kepada pelajar terutama dalam penerokaan bidang baharu dalam penulisan dan bahasa ini. Beliau juga berbangga kerana program ini juga merupakan satu penerapan nilai KBAT yang sangat jelas dan berguna kepada pelajar khususnya. Beliau juga berterimakasih kerana prorgram ini diusahakan dalam talian dan mendapat sambutan yang sangat baik. Beliau berharap agar program seumpama ini akan diteruskan di pada masa akan datang dan dapat dipelbagaikan lagi demi menyebarkan lebih bayak ruang dan peluang pelajar menimba ilmu baru seumpama ini. Selain dapat mencungkil bakat pelajar program ini sangat bermanfaat bagi murid dan juga guru terutama yang mempunyai bakat penulisan tetapi masih belum tahu cara untuk menyalurkan bakat penulisan mereka. bidang penulisan skrip drama radio sememangnya satu bidang yang diminati ramai dan masih lagi mempunyai sambutan walaupun sekarang ini radio mendapat saingan dari pelbagai media sosial yang lain . namun tidak dinafikan masih ramai pendengar yang ingin mendengar drama radio sebagai satu bahan hiburan. Beliau menutup ucapan beliau dengan berharap program ini dapat di teruskan di masa-masa akan datang.



Cikgu Sapri bin Idris GPM SMK Rancha-Rancha bertindak selaku penganjur program